

01 FEBRUARI 2018

Ditahan miliki 34 tiub heroin

Kuala Lumpur

Ditahan miliki 34 tiub heroin

Seorang lelaki ditahan bersama 34 tiub mengandungi dadah jenis heroin dan satu peket lut sinar dadah jenis methamphetamine di sebuah flat di Bandar Tun Razak, di sini, semalam.

Lelaki terbabit yang juga penganggur ditahan kira-kira jam 12 tengah malam oleh sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras.

Ketua Polis Daerah Cheras Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji berkata, pemeriksaan terhadap suspek yang berusia 47 tahun itu menemui tiub dan peket berkenaan di dalam dompet lelaki terbabit.

"Hasil pemeriksaan lanjut terhadap suspek

menemui semua dadah berkenaan yang diletakkan di dalam dompet poket seluar lelaki itu.

"Hasil ujian saringan air kencing dilakukan mendapati suspek positif dadah jenis morfin," katanya.

Abdul Ghani berkata, semakan mendapati suspek juga ada rekod jenayah lampau berkaitan dadah.

"Soal siasat mendapati suspek mendapat bekalan daripada seorang lelaki di kawasan Jalan Imbi, di sini.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan Seksyen 15 (1) (a) akta yang sama," katanya ketika dihubungi, semalam.